



## **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

### **PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI BILANGAN 2 TAHUN 2011**

#### **DASAR DAN PROSEDUR PELANTIKAN BEKAS TENTERA KE DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah bersetuju menerimapakai Pekeliling Perkhidmatan (Persekutuan) Bilangan 2 Tahun 2011 untuk Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan dengan pindaan sebagaimana berikut:-

| <u>Perkataan</u>         | <u>Diganti Dengan</u>    |
|--------------------------|--------------------------|
| <b>Persekutuan</b>       | <b>Negeri</b>            |
| <b>Kerajaan Malaysia</b> | <b>Kerajaan Kelantan</b> |

2. Pekeliling Perkhidmatan berkenaan boleh dimuat turun melalui laman web <http://www.jpa.gov.my>.

  
**(HAJI SHAFIE BIN ISMAIL)**  
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)  
b.p. SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI KELANTAN

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan  
Blok 2, Aras 1, Kota Darulnaim  
**15503 KOTA BHARU.**

Bertarikh : 15 Jamadilakhir 1432H Bersamaan  
19 Mei 2011

[SUK.D.200(01) 600/9/Jld. 9(20)]

Kepada : Semua Ketua Jabatan Negeri

Salinan : 1) Ketua Pengurusan  
Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

2) Ketua Pengurusan  
Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

3) Semua Ketua Unit/ Bahagian  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 2 TAHUN 2011**

---

**DASAR DAN PROSEDUR PELANTIKAN  
BEKAS TENTERA KE DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

**TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk menjelaskan dasar dan prosedur bagi menguruskan pelantikan bekas tentera ke dalam perkhidmatan awam supaya pelaksanaannya lebih teratur dan seragam.

**LATAR BELAKANG**

2. Pada masa ini, dasar pelantikan bekas polis dan bekas tentera secara tetap ke dalam perkhidmatan awam adalah berpandukan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2001 - Kaedah Penetapan Gaji Permulaan Untuk Bekas Polis Dan Bekas Tentera Yang Dilantik Secara Tetap Ke Dalam Perkhidmatan Awam (PP 7/2001). PP 7/2001 dikeluarkan selaras dengan hasrat Kerajaan mengiktiraf jasa dan pengorbanan bekas polis dan bekas tentera yang telah menabur bakti menjaga keamanan dan mempertahankan keselamatan negara.

3. Bagi tujuan memperjelaskan dasar pelantikan bagi bekas tentera dan pemberian Hadiah Pergerakan Gaji (HPG) maka dasar sedia ada perlu diperkemas dengan mengkaji semula PP 7/2001 bagi memantapkan urusan pelantikan bekas tentera ke dalam perkhidmatan awam.
4. Walau bagaimanapun, Pekeliling Perkhidmatan ini tidak meliputi anggota polis yang layak menerima faedah persaraan.

## DEFINISI

5. Untuk maksud Pekeliling Perkhidmatan ini:

**“bekas tentera”** bermaksud:

- (a) anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang telah menamatkan atau ditamatkan perkhidmatan **dengan baik** dan tidak diberhentikan dari perkhidmatan dengan keji serta **tidak layak menerima pencen** mengikut peraturan yang terpakai dalam perkhidmatan ATM; dan
- (b) Askar Wataniah, Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Laut Diraja Malaysia dan Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Udara Diraja Malaysia yang telah dikerah berkhidmat **secara sepenuh masa tidak kurang daripada 12 bulan** sama ada secara berterusan atau sebaliknya yang telah menamatkan atau ditamatkan perkhidmatan dengan baik.

**“calon”** bermaksud bekas tentera yang hendak dilantik ke dalam perkhidmatan awam;

**“pengalaman relevan”** bermaksud pengalaman kerja seseorang calon semasa dalam ATM yang sama dengan skop dan fungsi jawatan skim perkhidmatan yang ditawarkan;

**“perkhidmatan awam”** bermaksud perkhidmatan awam am Persekutuan, perkhidmatan kehakiman dan perundangan, pasukan polis dan perkhidmatan pelajaran; dan

**“Suruhanjaya”** bermaksud Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, Suruhanjaya Pasukan Polis dan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran atau mana-mana pihak yang diwakilkan kuasa oleh sesuatu Suruhanjaya untuk menjalankan bidang kuasanya.

## **DASAR PELANTIKAN**

6. Dasar pelantikan bekas tentera ke dalam perkhidmatan awam adalah seperti berikut:

(a) calon yang layak dipertimbangkan adalah calon yang telah menamatkan atau ditamatkan perkhidmatan **dengan baik dan tidak menerima pencen** mengikut peraturan ATM yang berkuat kuasa seperti berikut:

(i) *Territorial Army (Term Of Service) Regulations 1958* - Jenis/Syarat Persaraan Dan Pemberhentian Anggota Lain-Lain Pangkat (Sukarela);

- (ii) *Army And Air Force (Term Of Service) Regulations 1961* - Jenis/Syarat Persaraan Dan Pemberhentian Anggota Lain-Lain Pangkat (Tetap);
- (iii) *The Queen's Regulations For The Royal Navy, Revised 1967 (QRRN)* - Jenis/Syarat Persaraan Dan Pemberhentian Anggota Lain-Lain Pangkat TLDM (Tetap); dan
- (iv) Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran Dan Faedah-Faedah Lain) 1982 - Jenis/Syarat Persaraan Dan Pemberhentian Pegawai Tetap dan Pegawai Tauliah Jangka Pendek (TJP).

Senarai kategori bekas tentera yang ditamatkan perkhidmatan dengan baik mengikut syarat-syarat pemberhentian adalah seperti di **Lampiran A.**

- (b) calon boleh dilantik sama ada secara **tetap, sementara atau kontrak** berdasarkan keperluan perkhidmatan di kementerian/jabatan;
- (c) calon layak dipertimbangkan pelantikan ke mana-mana jawatan sama ada dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau Kumpulan Sokongan yang calon berkecualan;
- (d) calon hendaklah memenuhi semua syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan bagi jawatan yang dipohon;
- (e) Suruhanjaya hendaklah memanjangkan apa-apa kaedah pengiklanan bagi pengambilan untuk mengisi kekosongan jawatan dalam perkhidmatan awam kepada pihak yang bertanggungjawab terhadap bekas tentera;

- (f) Suruhanjaya hendaklah mempertimbangkan calon yang layak untuk mengisi mana-mana jawatan dalam perkhidmatan awam. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya hendaklah memberikan **keutamaan kepada calon** dalam sesuatu urusan pengambilan jika calon tersebut mempunyai **merit** yang sama dengan pemohon yang lain;
- (g) calon layak dipertimbangkan penetapan gaji permulaan yang lebih tinggi oleh Suruhanjaya dengan diberi HPG berdasarkan Peraturan 24(b) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 [P.U.(A)176/2005] atau peraturan-peraturan lain yang berkuat kuasa;
- (h) di samping pemberian HPG, calon juga layak dipertimbangkan penetapan gaji permulaan yang lebih tinggi oleh Suruhanjaya selepas diberi HPG berdasarkan Peraturan 23(2) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 [P.U.(A)176/2005] atau peraturan-peraturan lain yang berkuat kuasa;
- (i) calon dikehendaki membuktikan status sebagai bekas tentera bagi melayakkan dipertimbangkan pemberian HPG yang ditetapkan dalam pekeliling perkhidmatan ini;
- (j) pemberian **satu HPG adalah bersamaan dengan satu pergerakan gaji biasa** dalam Jadual Gaji Matriks yang sedang berkuat kuasa atau ketetapan lain yang diputuskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa; dan

- (k) calon layak dipertimbangkan pemberian HPG **hanya sekali** iaitu semasa **pelantikan kali pertama** ke dalam perkhidmatan awam sama ada secara tetap, sementara atau kontrak. Walau bagaimanapun, calon yang telah diberi HPG sebelum ini **layak dipertimbangkan HPG sekali lagi** apabila dilantik secara tetap dengan syarat:
- (i) calon belum disahkan dalam perkhidmatan di jawatan terdahulu; atau
  - (ii) calon merupakan pegawai lantikan sementara atau kontrak di jawatan terdahulu.

#### **Kaedah Penetapan Gaji Permulaan**

7. Penetapan gaji permulaan bagi calon yang dilantik sama ada secara tetap, sementara atau kontrak adalah mengikut mata gaji permulaan yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan bagi jawatan yang ditawarkan kepada calon. Suruhanjaya seterusnya menetapkan gaji permulaan yang lebih tinggi kepada calon dengan memberi HPG berdasarkan tempoh perkhidmatan calon semasa berkhidmat dalam ATM.

8. Suruhanjaya menentukan pemberian HPG **berdasarkan pengalaman calon** seperti berikut:

- (a) bagi calon yang **memiliki pengalaman yang relevan sepenuhnya** dengan skop dan fungsi tugas jawatan yang akan disandangnya, pemberian HPG boleh ditetapkan mengikut satu Pergerakan Gaji Biasa bagi setiap **genap satu tahun pengalaman yang relevan** itu. Contohnya, seorang calon telah berkhidmat selama 8 tahun 10 bulan

dengan ATM dan memiliki pengalaman yang relevan layak dipertimbangkan sebanyak 8 HPG;

- (b) bagi calon yang **memiliki pengalaman yang tidak relevan sepenuhnya**, pemberian HPG untuk calon boleh ditetapkan seperti **Jadual 1** berikut:

**Jadual 1 : Kaedah Pemberian HPG Bagi Calon Yang Memiliki Pengalaman Yang Tidak Relevan Sepenuhnya**

| <b>Tempoh Perkhidmatan di ATM<br/>( pengalaman tidak relevan)</b> | <b>HPG</b> |
|-------------------------------------------------------------------|------------|
| Genap 2 tahun atau lebih tetapi kurang dari 4 tahun               | <b>1</b>   |
| Genap 4 tahun atau lebih tetapi kurang dari 7 tahun               | <b>2</b>   |
| Genap 7 tahun atau lebih tetapi kurang dari 10 tahun              | <b>3</b>   |
| Genap 10 tahun atau lebih tetapi kurang dari 14 tahun             | <b>4</b>   |
| Genap 14 tahun atau lebih tetapi kurang dari 18 tahun             | <b>5</b>   |
| Genap 18 tahun atau lebih                                         | <b>6</b>   |

- (c) bagi calon yang mempunyai **kombinasi pengalaman relevan dan tidak relevan**, pemberian HPG hendaklah ditetapkan melalui kombinasi HPG bagi pengalaman relevan dan tidak relevan. Contohnya, seorang calon telah berkhidmat selama 13 tahun dalam perkhidmatan ATM iaitu 4 tahun pengalaman relevan dan 9 tahun pengalaman tidak relevan, maka layak dipertimbangkan sebanyak 7 HPG.

9. Gaji permulaan yang lebih tinggi boleh ditentukan dengan menambah jumlah HPG kepada mata gaji permulaan yang ditetapkan mengikut skim perkhidmatan berkenaan. Contoh penetapan gaji permulaan yang lebih tinggi yang boleh ditawarkan kepada calon adalah seperti jadual berikut:

**Jadual 2 : Contoh Penetapan Gaji Permulaan Bagi Calon Yang Memiliki Pengalaman Yang Relevan Sepenuhnya**

| <b>Jawatan/ Skim Perkhidmatan</b> | <b>Gaji Permulaan Mengikut Skim Perkhidmatan</b> | <b>Tempoh Pengalaman Tentera</b> | <b>Hadiah Pergerakan Gaji (HPG)</b> | <b>Gaji Permulaan Patut Ditawarkan</b> |
|-----------------------------------|--------------------------------------------------|----------------------------------|-------------------------------------|----------------------------------------|
| Pemandu Kenderaan Gred R3         | P1T3                                             | 10 tahun                         | 10 HPG                              | P1T13                                  |

**Jadual 3 : Contoh Penetapan Gaji Permulaan Bagi Calon Yang Memiliki Pengalaman Yang Tidak Relevan Sepenuhnya**

| <b>Jawatan/ Skim Perkhidmatan</b> | <b>Gaji Permulaan Mengikut Skim Perkhidmatan</b> | <b>Tempoh Pengalaman Tentera</b> | <b>Hadiah Pergerakan Gaji (HPG)</b> | <b>Gaji Permulaan Patut Ditawarkan</b> |
|-----------------------------------|--------------------------------------------------|----------------------------------|-------------------------------------|----------------------------------------|
| Pembantu Antidadah Gred S17       | P1T1                                             | 15 tahun                         | 5 HPG                               | P1T6                                   |

**Jadual 4 : Contoh Penetapan Gaji Permulaan Bagi Calon Yang Memiliki Kombinasi Pengalaman Yang Relevan Dan Tidak Relevan**

| <b>Jawatan/ Skim Perkhidmatan</b> | <b>Gaji Permulaan Mengikut Skim Perkhidmatan</b> | <b>Tempoh Pengalaman Tentera</b>              | <b>Hadiah Pergerakan Gaji (HPG)</b>                                            | <b>Gaji Permulaan Patut Ditawarkan</b> |
|-----------------------------------|--------------------------------------------------|-----------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------|
| Pembantu Am Pejabat Gred N1       | P1T1                                             | 4 tahun (relevan) dan 9 tahun (tidak relevan) | 7 HPG (kombinasi pengalaman relevan=4 HPG; dan pengalaman tidak relevan=3 HPG) | P1T8                                   |

10. Walau apa pun peraturan di perenggan 8, pemberian HPG ini tertakluk kepada mata gaji maksimum di Peringkat 1 (P1) yang ditetapkan dalam Jadual Gaji Matriks bagi sesuatu jawatan yang ditawarkan kepada calon.

## **PROSEDUR**

11. Prosedur bagi melantik calon dalam perkhidmatan awam adalah seperti berikut:

- (a) kementerian/ jabatan yang mempunyai kekosongan jawatan dan memerlukan calon dari kalangan bekas tentera hendaklah memaklumkan kepada Suruhanjaya bagi tujuan pengiklanan;
- (b) Suruhanjaya hendaklah memanjangkan iklan pengambilan kepada Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV), Kementerian Pertahanan melalui apa-apa kaedah yang sesuai. Sekiranya pengiklanan dibuat secara *online*, JHEV, Kementerian Pertahanan hendaklah memaklumkan kepada calon supaya membuat permohonan secara *online* kepada Suruhanjaya;
- (c) Suruhanjaya jika perlu, memasukkan keperluan tambahan dalam iklan pengambilan, antaranya seperti berikut:
  - (i) dokumen yang mengesahkan status calon sebagai bekas tentera iaitu Kad Bekas Tentera; dan
  - (ii) dokumen yang mengesahkan tempoh keseluruhan perkhidmatan dan tempoh setiap jenis pengalaman yang dimiliki oleh calon semasa berkhidmat dengan ATM seperti

Folder Pengakuan Perkhidmatan Anggota (BAT D 86 untuk Pegawai dan BAT D 92 untuk Lain-Lain Pangkat);

- (d) Suruhanjaya semasa membuat tapisan dan pemilihan, hendaklah memberi keutamaan kepada bekas tentera jika meritnya adalah sama dengan pemohon lain; dan
- (e) Suruhanjaya hendaklah menentukan gaji permulaan yang layak ditawarkan kepada calon yang berjaya mengikut kaedah penetapan gaji permulaan yang telah dijelaskan di atas.

## **PEMAKAIAN**

12. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, pemakaian Pekeliling Perkhidmatan ini dipanjangkan kepada perkhidmatan awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan.

13. Pekeliling Perkhidmatan ini tidak terpakai bagi pelantikan pesara tentera yang dilantik secara kontrak untuk berkhidmat ke dalam perkhidmatan awam. Sebaliknya pelantikan pesara tentera hendaklah dibuat secara kontrak mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008 - Dasar dan Prosedur Pelantikan Secara Kontrak (*Contract of Service*) serta peraturan-peraturan lain yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.


## **TARIKH KUAT KUASA**

14. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

## **PEMBATALAN**

15. Dengan berkuat kuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2001 adalah dibatalkan.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



**( DATO' SRI ABU BAKAR BIN HAJI ABDULLAH )**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA**

23 Februari 2011

Semua Suruhanjaya Perkhidmatan  
Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

## LAMPIRAN A

### **SYARAT- SYARAT PEMBERHENTIAN [PEGAWAI TETAP/ PEGAWAI TAULIAH JANGKA PENDEK (TJP) / ANGGOTA LAIN-LAIN PANGKAT (TETAP) / ANGGOTA LAIN-LAIN PANGKAT (SUKARELA) / ANGGOTA LAIN-LAIN PANGKAT TLDM (TETAP)]**

| <b>BIL</b> | <b>PERATURAN</b>                                                                                       | <b>SYARAT PEMBERHENTIAN</b>                                                                                                                                                                                                                        |
|------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.         | Peraturan 20(2) (a), Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran Dan Faedah-Faedah Lain) 1982 | Pegawai tetap yang telah mencukupi umur persaraan pilihan dengan syarat perkhidmatan kurang dari 20 tahun.                                                                                                                                         |
| 2.         | Peraturan 20(2) (b), Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran Dan Faedah-Faedah Lain) 1982 | Di dalam keadaan khas, bagi pegawai tetap yang berpangkat Briged Jeneral ke atas walaupun belum mencapai umur persaraan wajib tertakluk kepada keputusan Majlis Angkatan Tentera (MAT) yang menentukan pegawai tidak berpencen.                    |
| 3.         | Peraturan 20(2) (d), Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran Dan Faedah-Faedah Lain) 1982 | Pegawai tetap atas sebab tidak ada jawatan yang sesuai atau tidak ada harapan untuk naik pangkat atau atas tidak sesuai atau tidak cekap bukan di dalam kawalannya sendiri tertakluk kepada keputusan MAT yang menentukan pegawai tidak berpencen. |
| 4.         | Peraturan 20(2) (e), Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran Dan Faedah-Faedah Lain) 1982 | Pegawai tetap atas sebab tidak kecekapan atau sebab-sebab lain-lain kawalannya sendiri tetapi tidak terjumlah kepada salah laku tertakluk kepada keputusan MAT yang menentukan pegawai tidak berpencen.                                            |
| 5.         | Peraturan 20(2) (h), Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran Dan Faedah-Faedah Lain) 1982 | Pegawai tetap pada bila-bila masa jika hal keadaan kes itu pada pendapat Yang Dipertuan Agong memerlukan dan tertakluk kepada keputusan MAT yang menentukan pegawai tidak berpencen.                                                               |

| BIL | PERATURAN                                                                                               | SYARAT PEMBERHENTIAN                                                                                                                                                                                                                                             |
|-----|---------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 6.  | Peraturan 20 (2) (i), Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran Dan Faedah-Faedah Lain) 1982 | Pegawai tetap yang telah dilantik dengan kelulusan MAT untuk berkhidmat dalam mana-mana organisasi walau bagaimana dibentuk sama ada atau tidak Kerajaan atau mana-mana Kerajaan Negeri ada kepentingan di dalamnya tertakluk perkhidmatan kurang dari 20 tahun. |
| 7.  | Peraturan 25(1) (a), Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran Dan Faedah-Faedah Lain) 1982  | Pegawai tetap yang genap tempoh perkhidmatan atau jika Tauliah Jangka Pendek (TJP) dilanjutkan setelah genap tempoh perkhidmatan yang dilanjutkan dan layak ganjaran perkhidmatan.                                                                               |
| 8   | Peraturan 25(1) (c), Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran Dan Faedah-Faedah Lain) 1982  | Pegawai tetap yang diberhentikan kerana tidak cekap bukanlah kerana sebab-sebab di dalam kawalannya sendiri.                                                                                                                                                     |
| 9.  | Peraturan 46, Army And Air Force (Term Of Service) Regulations 1961                                     | Pemberhentian anggota lain-lain pangkat setelah tamat tempoh perkhidmatan 13, 15, 18 dan 21 tahun ke atas.                                                                                                                                                       |
| 10. | Peraturan 47, Army And Air Force (Term Of Service) Regulations 1961                                     | Pemberhentian anggota lain-lain pangkat setelah genap tiga tahun perkhidmatan.                                                                                                                                                                                   |
| 11. | Peraturan 49 (f), Army And Air Force (Term Of Service) Regulations 1961                                 | Pemberhentian anggota lain-lain pangkat atas dasar sebab kebajikan.                                                                                                                                                                                              |
| 12. | Peraturan 49 (g), Army And Air Force (Term Of Service) Regulations 1961                                 | Pemberhentian anggota lain-lain pangkat atas sebab perjawatan dikurangkan.                                                                                                                                                                                       |
| 13. | Peraturan 49(j), Army And Air Force (Term Of Service) Regulations 1961                                  | Pemberhentian anggota lain-lain pangkat disebabkan mendapat tawaran kerja yang diluluskan oleh Ketua Perkhidmatan atau atas dasar kehendak sendiri melanjutkan pelajaran atau bagi anggota wanita ATM yang ingin menumpukan perhatian kepada rumah tangga.       |

| BIL | PERATURAN                                                                     | SYARAT PEMBERHENTIAN                                                                                                         |
|-----|-------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 14. | Peraturan 49 (k), Army And Air Force (Term Of Service) Regulations 1961       | Pemberhentian anggota lain-lain pangkat disebabkan tidak layak untuk meneruskan perkhidmatan (atas dasar pertimbangan).      |
| 15. | Peraturan 49(m), Army And Air Force (Term Of Service) Regulations 1961        | Pemberhentian anggota lain-lain pangkat disebabkan perkhidmatan diswastakan.                                                 |
| 16. | Peraturan 48(a), Territorial Army (Term Of Service) Regulations 1958          | Anggota sukarela yang tamat tempoh perkhidmatan dan layak Elaun Tamat Perkhidmatan Mobilisasi (ETPM).                        |
| 17. | Peraturan 48(j), Territorial Army (Term Of Service) Regulations 1958          | Anggota sukarela yang masuk berkhidmat sebagai askar biasa/ Polis Diraja dan layak ETPM.                                     |
| 18. | Peraturan 48(k), Territorial Army (Term Of Service) Regulations 1958          | Anggota sukarela yang mendapat tauliah Diraja dan layak ETPM.                                                                |
| 19. | Peraturan 48(l), Territorial Army (Term Of Service) Regulations 1958          | Anggota sukarela yang bertukar alamat di luar kawasan pasukan dan layak ETPM.                                                |
| 20. | Peraturan 48(m), Territorial Army (Term Of Service) Regulations 1958          | Pemberhentian anggota sukarela atas kehendak permintaan sendiri dan layak ETPM.                                              |
| 21. | Peraturan 48(n), Territorial Army (Term Of Service) Regulations 1958          | Anggota sukarela yang tidak lulus ujian ketukangan selepas tempoh yang ditetapkan dan layak ETPM.                            |
| 22. | Peraturan 48(f), Territorial Army (Term Of Service) Regulations 1958          | Anggota sukarela yang taraf kesihatannya rendah dan layak ETPM.                                                              |
| 23. | Artikel 0856, The Queen's Regulations For The Royal Navy, Revised 1967 (QRRN) | Anggota lain-lain pangkat TLDM yang tamat tempoh perkhidmatan bagi tempoh perkhidmatan 13, 15 18 tahun dan 21 tahun ke atas. |
| 24. | Artikel 0878, The Queen's Regulations For The Royal Navy, Revised 1967 (QRRN) | Anggota lain-lain pangkat TLDM yang diberhentikan atas sebab discharge – service 'Shore' .                                   |